

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : BERTULIS
- DARIPADA** : **TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**
[JERANTUT]
- SOALAN** : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis bantuan dan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kementerian kepada mangsa-mangsa banjir khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini telah menjejaskan beberapa buah negeri dan mengakibatkan pelbagai kerugian. Semasa kejadian banjir berlaku, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah melaksanakan Misi Bantuan Makanan Banjir bagi menyediakan makanan untuk mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan dan makanan ternakan untuk pengusaha di semua negeri dan kawasan yang terlibat termasuk kawasan pedalaman.

Bagi tujuan ini, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM6.05 juta manakala pihak swasta telah membelanjakan sebanyak RM850,050 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM6.9 juta.

Bantuan yang disediakan telah dihantar melalui jalan udara, jalan air dan jalan darat dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM),

Sukarelawan Perikanan (SUPER), Jabatan/Agensi Kementerian, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta. Barangan yang dibekalkan terdiri daripada makanan basah, makanan kering dan bukan makanan.

Senarai barangan adalah seperti berikut:

1. Makanan Kering: Beras, minyak, tepung, gula, rempah ratus, air mineral, telur, ikan bilis, makanan bertin, susu bayi, roti dan biskut.
2. Makanan Basah: Ayam, ikan, bawang, halia, karot, kobis, kentang, bawang ros dan bawang putih.
3. Bukan Makanan: Lampin pakai buang, ubat nyamuk dan barangan keperluan harian.

Di samping itu, Kementerian juga diamanahkan untuk menyelaras bantuan pasca banjir yang melibatkan seramai 5,000 orang sukarelawan. Aktiviti yang terlibat adalah seperti membersihkan kawasan awam, membersihkan rumah mangsa yang terjejas serta menyediakan kit makanan untuk mangsa banjir.

Pada masa yang sama, bantuan wang ihsan melalui Tabung Bantuan Bencana Agromakanan turut disediakan khusus untuk petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani berskala kecil yang terjejas akibat banjir bagi memulakan semula aktiviti pertanian.

Kadar bagi bantuan ini adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bantuan
BANTUAN TANAMAN		
1.	Bantuan Kerugian Hasil Padi <ul style="list-style-type: none"> • Pemberian maksimum : 3 hektar • Bagi padi yang tidak sempat dituai 	RM1,800.00 sehektar
2.	Bantuan Penanaman Semula Padi <ul style="list-style-type: none"> • Pemberian maksimum : 3 hektar • Bagi peringkat awal tanaman 	RM876.00 sehektar
3.	Bantuan Ihsan kepada pengusaha sayur-sayuran	Minimum RM500.00 sehektar

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bantuan
	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan mengikut keluasan sebenar kemusnahan. Had bantuan adalah maksimum 2 hektar. 	Maksimum RM2,000.00 sehektar.
4.	Bantuan Ihsan kepada pengusaha buah-buahan/ kontan <ul style="list-style-type: none"> Bantuan mengikut keluasan sebenar kemusnahan. Had bantuan adalah maksimum 4 hektar. 	Minimum RM500.00 sehektar dan maksimum RM1,000.00 sehektar.
BANTUAN TERNAKAN		
1.	Kerbau <ul style="list-style-type: none"> Maksimum 10 ekor 	RM700.00 seekor
2.	Lembu/ rusa <ul style="list-style-type: none"> Maksimum 10 ekor 	RM600.00 seekor
3.	Kambing/ bebiri <ul style="list-style-type: none"> Maksimum 20 ekor 	RM150.00 seekor
4.	Ayam/ itik <ul style="list-style-type: none"> Maksimum 100 ekor 	RM5.00 seekor
5.	Puyuh <ul style="list-style-type: none"> Maksimum 200 ekor 	RM2.00 seekor
BANTUAN PENGUSAHA AKUAKULTUR		
1.	Kolam <ul style="list-style-type: none"> Minimum: RM500 Maksimum 2 hektar 	RM1,500.00 sehektar
3.	Sangkar/Kandang <ul style="list-style-type: none"> Minimum: RM500 Maksimum 12 petak 	RM200.00 sepetak
4.	Hatcheri <ul style="list-style-type: none"> Maksimum 1 hatcheri 	Sehingga RM3,000.00/ hatcheri
BANTUAN INDUSTRI ASAS TANI		
1.	Bantuan Industri Asas Tani	RM1,000/ Pengusaha

Kementerian melalui Jabatan dan Agensi telah melaksanakan bantian di semua kawasan yang terjejas. Bantuan akan disalurkan kepada pemohon yang layak sejurus selepas proses penilaian dan kelulusan selesai dilaksanakan.